



Publication	Utusan Malaysia	Section / Page	35	Date	3/11/2021
Headline	Takaful Malaysia Menang Anugerah				

Takaful Malaysia menang anugerah

PETALING JAYA: Syarikat Takaful Malaysia Am Bhd. (Takaful Malaysia) memenangi Anugerah Takaful Motor 2021/22, pengiktirafan tahunan yang dianjurkan oleh iBanding Services Sdn. Bhd. (iBanding).

Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata, pengiktirafan itu bukti bahawa nilai dan manfaat menarik yang ditawarkan secara konsisten kepada pelanggan mencerminkan persetujuan para pengguna mengenai jenama dan produk takaful motor mereka.

“Kami akan terus berusaha untuk menawarkan penyelesaian perlindungan yang kompetitif bagi memenuhi jangkaan mereka sebagai pengguna,” katanya dalam kenyataan.

Anugerah Insurans dan Takaful Motor tersebut ditubuhkan pada 2016 dan merupakan anugerah insurans dan takaful motor bebas pertama di Asia berdasarkan maklum balas pelanggan.